

13/12/1999

Abu Zahar tidak anggap pelantikan turun pangkat

MELAKA, Ahad - Bekas Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, tidak menganggap pelantikannya Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, sebagai 'turun pangkat' seperti yang didakwa sesetengah pihak.

"Jika ada sesetengah pihak menganggap saya turun pangkat, biarkanlah kerana saya menganggap apa juga yang diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah yang terbaik.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya memikul tanggungjawab ini," katanya ketika ditemui di Ayer Keroh dekat sini, semalam.

Zahar berkata pelantikannya itu, sebaliknya adalah satu amanah bagi memastikan keamanan negara yang mengandungi pelbagai kaum, dikekalkan.

Menurutnya, Kementerian Dalam Negeri adalah kementerian yang paling penting kerana menjadi tunjang utama keselamatan negara.

Katanya, sebagai orang baru dalam Kabinet, masih banyak perlu dipelajari dan beliau akan berusaha memberi perkhidmatan terbaik kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mengenai Kabinet baru yang diumumkan oleh Dr Mahathir Jumaat lalu, beliau berkata, barisan itu baru mampu membawa negara ke arah lebih cemerlang, mantap dan bersesuaian kerana mempunyai gandingan muka lama dan baru.

Selain itu, katanya, pelantikan beberapa ahli akademik menyertai Kabinet kali ini juga, mampu membantu negara mencatat lebih banyak kejayaan.

"Pelantikan Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan, menunjukkan kerajaan tidak mengutamakan golongan politik saja, malah ahli politik dan tokoh akademik berganding mentadbirkan negara," katanya.

(END)